

Pendirian Hisham dipertikai

BH - 2 SEP 2000

Oleh Teh Kean Kiat

SEKALI lagi isu hak keistimewaan orang Melayu berbangkit disebabkan pendirian Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, yang tidak tetap.

Menurut ketiga-tiga akhbar utama berbahasa Cina, Sabtu lalu, walaupun Pemuda Umno sebulat suara menerima penjelasan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan Cina Malaysia (Suqiu) sehari sebelum itu, Hishammuddin mengubah pendirian dan bertegas mahu Suqiu memohon maaf kepada masyarakat Melayu berhubung isu hak keistimewaan orang Melayu.

Namun, Setiausaha Suqiu, Ser Chong Ing, tetap dengan pendirian mereka tidak akan menarik balik 17 tuntutan dan memohon maaf. Hishammuddin dipetik sebagai berkata, Pemuda Umno mendapati 17 tuntutan itu mengandungi unsur mencabar hak keistimewaan orang Melayu seperti penghapusan kuota yang ditetapkan dalam Dasar Ekonomi Baru dan dasar kerajaan.

Rabu lalu pula, ketiga-tiga akhbar utama berbahasa Cina melaporkan Hishammuddin menyeru Suqiu bertukar haluan untuk menjadi parti politik jika mahu meneruskan perjuangan mereka.

Menurut laporan itu, Hishammuddin berkata, pada masa itu Suqiu bolehlah menyerahkan 17 tuntutan itu untuk dinilai oleh rakyat dan melihat berapa ramai yang menyokong mereka.

Menurut Hishammuddin, beliau tidak mahu dbebabkan nila setitik, rosak susu sebelanga dan kemungkinan besar ia adalah angkara sebilangan kecil ahli Suqiu saja.

Beliau berkata, Pemuda Umno akan meminta pendapat Perdana Menteri untuk menentukan langkah yang harus diambil bagi menyelesaikan perselisihan fahaman antara Suqiu dan Pemuda.

Kelmarin, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyeru Pemuda Umno tidak bertindak terburu-buru kerana seperti itu susah memperoleh kejayaan. Dr Mahathir menasihatkan Pemuda Umno mematuhi peraturan dan perancangan teliti serta jangan bertindak melulu dan keterlaluan kerana ia bukan sahaja mengeruhkan keadaan malah merosakkan imej serta matlamat perjuangan negara.

Sementara itu, *Nan Yang Siang Pau* Ahad lalu melaporkan Dr Mahathir akan menyokong perbincangan untuk mengembalikan keamanan antara China dan Taiwan jika kedua-dua negara itu sudi mengadakan perbincangan di Kuala Lumpur.

Dr Mahathir ketika ditkmuramah sebuah stesen televisyen Taiwan, TVBS, berkata sebarang konflik tidak menguntungkan mana-mana pihak, terutama dalam ketenteraan kerana wang akan dibazirkan ke atas pembelian peralatan pertahanan. Selasa lalu, *Nan Yang Siang Pau* melaporkan kesengsaraan sepasang suami isteri yang mempunyai tujuh 'anak monyet' di Segamat, Johor.

Menurut laporan itu, tiga daripada anak mereka yang berusia 18, 17 dan 13 tahun itu sudah meninggal dunia. Semua anak pasangan itu mempunyai wajah, gerakan dan berbunyi seperti monyet dan paling menyedihkan ialah mereka tidak boleh bercakap.

Bagaimanapun, mereka tidak sampai hati menjadikan anak mereka bahan ujian.